



Selepas tiga inisiatif diperkenalkan Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) untuk mengatasi masalah pencemaran di Sungai Klang seperti yang dipaparkan menerusi wajah kehidupan sebelum ini, pasti ramai yang terkejut sebaik mengetahui angka kutipan sampah yang diperolehi dari Sungai Klang atas sikap rakus warga kota membuang sampah sepanjang sungai 110 kilometer yang dikawal selia oleh JPS Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Oleh Suraya Roslan

Surayaroslan@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

Masalah pembuangan sampah ke sungai semakin membimbangkan apabila Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPSWPKL) terpaksa mengeluarkan 16 tan sampah dari sungai setiap bulan melalui kerja penyelenggaraan.

Mendedahkan angka itu, Pengarah JPSWPKL, Bibi Zarina Che Omar berkata, sebanyak RM13 juta diperlukan setahun untuk menyelenggara sampah kerana sikap tidak bertanggungjawab sesetengah warga kota menjadikan sungai sebagai tong sampah.

"Kebanyakan tapak pembuangan sampah haram terletak di tebing sungai dan kita terpaksa mengupah kontraktor untuk membersihkan sungai dan tebing sungai serta kawasan sekitar.

"Mengikut statistik, sebanyak 180 tan sampah dikeluarkan sepanjang Januari hingga November tahun ini di Sungai Klang yang dikawal selia oleh JPSWPKL," katanya kepada Harian Metro di sini, semalam.

Menurutnya, seiring dengan Projek Sungai Nadi Kehidupan (RoL) yang dibangunkan di beberapa sungai utama di kawasan Kuala Lumpur, Ampang dan Selangor di Lembah Klang bakal menyaksikan perubahan drastik Sungai Klang daripada kualiti air kelas III-IV (tercemar, tidak sesuai un-



PEKERJA Penyelenggaraan JPS, Khairul Helmi Mohamad Mokhtar, 26, (kiri) bersama adiknya Khairul Muin Mohamad Mokhtar, 22, (tengah) dan Khairul Faiz Mohamad Mokhtar, 20, melakukan kerja-kerja menyelenggara sampah-sarap di Sungai Segambut.

KUTIP 16 TAN SISA SEBULAN

■ JPS belanja RM13 juta setahun untuk selenggara sampah di Sungai Klang



“Mengikut statistik, sebanyak 180 tan sampah dikeluarkan sepanjang Januari hingga November tahun ini di Sungai Klang yang dikawal selia oleh JPSWPKL”

Bibi Zarina Che Omar

tuk sentuhan) kepada kelas IIB (sesuai untuk sentuhan dan rekreasi) menjelang 2020.

"Disebabkan itu, kita sentiasa meningkatkan keupayaan dengan menyelia kontraktor yang dilantik untuk menjalankan kerja pembersihan sampah di sungai, tebing sungai dan struktur perangkap pencemaran kasar (GPT) dan log boom di samping merawat air sungai menggunakan loji rawatan air sungai (RWTP).

"Melalui kerja pembersihan sampah dan rawatan air sungai, ia sudah menunjukkan tanda perubahan positif kepada tahap kualiti air su-

ngai apabila dikesan terdapat hidupan air di dalam sungai berkenaan.

"Jika sebelum ini (tahun 2010), indeks tahap kebersihan air sungai kita adalah di bawah 50, kini selepas sejumlah struktur pembersihan ini disiapkan, ia meningkat kepada 69 malah kami berusaha menghampiri matlamat indeks kualiti air kelas IIB iaitu minimum 76.5 menjelang 2020 nanti," katanya.

Katanya, melalui pemasaan GPT di lembangan Sungai Ampang dan hulu Sungai Klang jumlah sampah yang memasuki sungai dapat dikurangkan sebanyak 75

peratus bersamaan 70.5 meter padu purata bulanan berbanding 2010, 268 meter padu sebulan.

"Kita turut bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk mendekati masyarakat dalam usaha memberi kesedaran mengenai menjaga dan mengekalkan kelestarian sungai.

"Tahap kesedaran dan pengetahuan masyarakat mengenai isu pencemaran sungai masih rendah, malah mereka tidak sedar bahawa aktiviti yang dilakukan mempunyai impak negatif kepada sungai," katanya.

Menurutnya, antara cabaran yang dihadapi JPS adalah memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa mereka adalah penyumbang kepada pencemaran sungai dan memberi pemahaman bahawa kebersihan sungai adalah tanggungjawab bersama bukan bergantung kepada kerajaan semata-mata.

"Selain itu, isu penempatan penduduk setinggan yang menyumbang kepada pencemaran dan menjadi halangan pembinaan struktur berkaitan dalam projek RoL," katanya.

Dua lokasi penempatan penyumbang terbesar

Kuala Lumpur: Setingan Kampung Fajar, Jalan Hulu Klang, di sini, dikenal pasti antara kawasan paling tinggi berlakunya pembuangan sampah ke dalam Sungai Klang.

Pengarah Pejabat Pengurusan Lembangan Sungai Klang, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kamal Mustapha berkata, kawasan itu dikenal pasti berikutan laporan diterima bertant sampah dikutip di kawasan itu setiap hari menyebabkan ia antara penyumbang terbesar pencemaran di Sungai Klang.

"Selain itu, sikap warga asing yang suka membuang sampah ke sungai, bahan buangan industri selain kurangnya kesedaran masyarakat tempatan antara faktor pencemaran

sungai yang dikesan berlaku di ibu kota.

"Kita juga dapati warga asing mengambil jalan mudah dengan membuang sampah ke sungai dan ini amat dikesalkan kerana pencemaran yang berlaku memberi kesan dalam jangka masa panjang jika tidak dibendung," katanya kepada Harian Metro.

Menurutnya, kedatangan warga asing ke negara ini dan menghuni setinggan di tebing sungai antara faktor utama berlakunya pencemaran di Sungai Klang.

"Kita boleh mendidik masyarakat tempatan melalui kempen kesedaran tetapi agak sukar untuk mengawal warga asing yang mungkin tidak pernah peduli pentingnya sungai demi kesejahteraan semua," katanya.

